

AL-QUR'AN, SAINS DAN TEKNOLOGI: INTEGRASI ANTARA ILMU NAQLI DAN AQLI DALAM UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM

Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail (Penulis bersama)
Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan,
Malaysia.

Tel: +60122251971 E-Mel: wanfattah@usim.edu.my

Hasnizam Hashim, USIM
Zulfaqar Bin Mamat, USIM
Ahmad Syukran Baharuddin, USIM
Lukman Bin Abdul Mutalib, USIM
Norma Jusof, Kementerian Pelajaran Malaysia

Abstrak

Al-Qur'an merupakan kitab yang diturunkan melalui Nabi Muhammad SAW bagi menjadi peraturan hidup umat manusia sama ada berkaitan urusan dunia dan akhirat. Al-Qur'an sarat dengan peraturan, pengajaran dan ilmu pengetahuan termasuk berkaitan dengan ilmu sains dan teknologi. Pendek kata, integrasi antara ilmu aqli dan naqli dalam al-Qur'an sangat terserlah. Penemuan ini bukan setakat diagungkan oleh para cendekiawan Islam bah ia diakui sendiri oleh para orientalis barat yang akhirnya membawa kepada keislaman mereka. Pada hakikatnya perundangan Islam tidak menghadkan kepada kaedah-kaedah pembuktian tertentu sahaja. Sebaliknya, Mahkamah akan menerima mana-mana kaedah yang menepati syarat-syaratnya, asalkan ia dapat meyakinkan mahkamah termasuklah menggunakan kaedah sains dan teknologi moden. Dalam undang-undang keterangan Islam, keterangan dengan sains dan teknologi boleh diletakkan di bawah *qarinah* dan keterangan pakar. Walaupun begitu, pembuktian melalui sains dan teknologi hanya diletakkan secara umum dalam Akta dan enakmen keterangan di negeri-negeri. Namun ia tidaklah bermakna Mahkamah tidak menerima fakta sains seperti DNA dalam pensabitan nasab. Kertas kerja ini ingin menjawab beberapa persoalan antaranya, sejauh manakah fakta sains dan teknologi dapat dijadikan kaedah pembuktian sepertimana yang termaktub dalam al-Qur'an dan Undang-Undang Keterangan Islam. Selain itu, sejauh manakah amalan Mahkamah Syariah dalam menerima fakta-fakta sains dan teknologi dalam pembuktian.

Kata Kunci: Al-Qur'an, Sains, Pembuktian, Naqli & Aqli

1. PENDAHULUAN

Al-Qur'an merupakan panduan hidup yang sangat lengkap dan tiada cacat celanya, sama ada ia melibat urusan duniawi mahupun ukhrawi. Pemilik Kalam ini sudah tentu Maha Mengetahui kehendak dan keperluan makhluk-makhluk Nya, dan tidak akan meninggalkan mereka terkapai-kapai tanpa pedoman demi meneruskan kehidupan di dunia ini iaitu bakal menjadi jambatan kepada kehidupan yang kekal abadi. Oleh kerana itulah, Ilmu di dalam al-Qur'an merangkumi semua aspek kehidupan hatta dalam dunia moden hari ini yang dikenali dunia teknologi sekalipun ia diturunkan melangkaui 1442 tahun yang lalu. Maka amat bersesuaian dengan status Al-Quran merupakan mukjizat teragung Nabi Muhammad S.A.W.

Terdapat pihak menganggap dengan menjadikan al-Quran sebagai asas pegangan akan menyebabkan manusia akan ketinggalan khususnya dalam dunia yang serba-serbi bergantung kepada kemajuan sains dan teknologi. Tanggapan sebenarnya jauh meleset, kerana al-Qur'an sentiasa menyokong kemajuan selagi mana ia tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip syarak dan *maqasid* al-Syariah. Kenyataan ini terbukti dengan firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' ayat 30:

أَوَلَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا
وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?

Dalam kertas kerja ini akan sedikit sebanyak menjelaskan konsep ilmu aqli dan naqli, penjelasan kesyumulan al-Quran dan pengintegrasian di antara ilmu naqli dan aqli. Selain itu juga, kertas kerja ini akan mengemukakan beberapa contoh pengintegrasian di antara ilmu naqli dan aqli dalam Akta keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 berkaitan dengan sains dan teknologi.

2. KESYUMULAN AL-QUR'AN

Al-Quran merupakan kalamullah yang mengandungi mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril a.s, ditulis dalam mashaf, dipindahkan kepada hamba-Nya secara mutawatir dan menjadi ibadat dengan membacanya. (http://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/PQ/Panduan_Rasm_Bab1.pdf). Ia merupakan mukjizat yang paling agung yang diturunkan melalui lisan Rasul akhir zaman bertujuan untuk mengeluarkan manusia dari kesesatan kepada cahaya keimanan serta memandu manusia ke jalan yang lurus. Allah SWT telah memberi jaminan bahawa al-Qur'an akan terselamat dari segala bentuk penipuan, pemalsuan dan tokok tambah sehinggalah ke hari kiamat (Al-Qattan, Manna'. 2000). Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9:

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Qur'an, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

Al-Qur'an sebagai panduan manusia merangkumi keseluruhan aspek kehidupan sama ada ia menjurus kepada urusan di dunia mahupun akhirat. Kadangkala ayat-ayat dalam al-Qur'an yang diturunkan membawa maksud secara umum dan kadangkala memberi maksud yang khusus. Jika ayat-ayat yang bersifat umum, maka ia akan diperincikan melalui sunnah Rasulullah SAW. Al-Qur'an tidak membicarakan berkaitan dengan urusan akhirat semata-mata, bahkan ia juga menjelaskan pelbagai urusan keduniaan termasuklah berkaitan dengan perundangan yang melibatkan perhubungan antara manusia sesama manusia.

Al-Qur'an merupakan kitab samawi yang agung dan mempunyai ciri-ciri yang sangat hebat berbanding kitab-kitab yang pernah diturunkan kepada para Rasul sebelum ini. Antara ciri-ciri yang dimaksudkan ialah di dalamnya hanya mengandungi firman Allah semata-mata tanpa ditokok tambah dengan kata-kata makhluk. Al-Qur'an sangat muda dibaca, dihafal, difahami dan diamalkan. Mukjizat al-Qur'an merangkumi keseluruhannya, sama ada dari segi seni bahasanya, perundangan dan ilmiah yang merangkumi setiap aspek kehidupan dunia dan juga akhirat. Al-Qur'an juga mendapat jaminan daripada Allah SWT bahawa ia akan selamat dari diubah suai dan berkekalan hingga ke hari kiamat. Ciri yang paling utama al-Qur'an ialah ia bersifat sejagat untuk keseluruhan manusia yang melibatkan semua aspek kehidupan manusia sama ada berkaitan agama, keduniaan termasuklah berkaitan dunia moden seperti sains dan teknologi.

Terdapat nas-nas al-Qur'an yang menunjukkan kesyukuran al-Qur'an antaranya ialah firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 89:

Dan Kami turunkan kepadamu Al-Qur'an menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam.

3. KAEDAH-KAEDAH PEMBUKTIAN DALAM UDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM MENURUT AL-QUR'AN DAN AL-SUNNAH

Secara konsepnya, 'Ilmu Naqli' ialah ilmu bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah seperti akidah, tafsir dan hadis. Manakala Ilmu Aqli: Ilmu Aqli ialah ilmu bersumberkan olahan akal manusia seperti falsafah, pengurusan, sains fizik, kimia dan kejuruteraan. Justeru, integrasi ilmu Naqli dan Aqli ialah penjana ilmu baharu Islami melalui proses paduan antara ilmu bersumberkan wahyu dengan ilmu berasaskan akal yang dilihat terpisah akibat fahaman Sekularisme. (Mahyudin H. et al. 2018)

Pada hakikatnya, ilmu sains dan teknologi sebenarnya dapat membantu menyelesaikan banyak permasalahan pada hari ini sama ada ia berkaitan dengan kes-kes mal atau jenayah khususnya di Mahkamah Sivil. Pengintegrasian antara ilmu sains dan teknologi sebetulnya tidak berlawanan pun dengan maksud umum nas-nas Syarak asalkan ia dapat menegakkan keadilan sebagaimana menjadi asas pensyariatian undang-undang Islam. Firman Allah SWT dalam surah Sad ayat 26:

يٰۤاٰدٰوُدْ اِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيْفَةً فِى الْاَرْضِ فَاَحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِاَلْحَقِّ
وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوٰى فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيْلِ اَللّٰهِ اِنَّ الَّذِيْنَ يَضِلُّوْنَ عَنْ سَبِيْلِ
اَللّٰهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيْدٌ يَّمَّا تَسُوْا يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٦٦﴾

Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu.

Berdasarkan nas ini, maka benarlah dengan kenyataan Ibn Qayyim (2007) ketika mendefinisikan keterangan (*Bayyinah*) iaitu (كل ما بين الحق ويظهره) *apa-apa kaedah yang dapat menjelaskan kebenaran dan menzahirkannya -Di hadapan hakim di Mahkamah-*. Merujuk kepada definisi ini jelas menunjukkan ilmu sains dan teknologi juga boleh di jadikan kaedah pembuktian sekira dengannya dapat membantu Mahkamah dalam membuat keputusan yang adil dan tepat. Oleh kerana itu, kaedah pembuktian ini tidak hanya terhad kepada pengakuan, kesaksian dan juga sumpah, bahkan ia lebih daripada itu yang melibatkan ilmu sains dan teknologi.

Kenyataan di atas tidaklah bermaksud untuk menafikan kekuatan pembuktian melalui kesaksian, ikrar dan juga sumpah kerana masing-masing telah diakui dalam nas-nas syarak dan Akta keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Firman Allah SWT berkaitan dengan kesaksian sebagai kaedah pembuktian antaranya dalam surah al-Baqarah, ayat 283:

Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Sabda Rasulullah SAW:

“Dari al-Asyih bin Qais, dia telah berkata, “telah berlaku perselisihan antara aku dan seorang lelaki mengenai perigi, kemudian kami membuat pengaduan kepada Rasulullah SAW, maka baginda bersabda bawalah bagi pihak kamu dua saksi atau sumpahnya.” (Al-Bukhari, 1407h. 4: 202).

Seksyen 83(1), Akta keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan kebolehterimaan kesaksian dalam pembuktian:

Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan syahadah atau bayinah sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah 'aqil, baligh, 'adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Manakala pensyariatian pembuktian melalui ikrar telah dinyatakan di dalam al-Qur'an sepertimana firman Allah SWT surah Ali Imran ayat 81:

Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia dari Nabi-nabi (dengan firmanNya): "Sesungguhnya apa jua Kitab dan Hikmat yang Aku berikan kepada kamu, kemudian datang pula kepada Kamu seorang Rasul yang mengesahkan apa yang ada pada kamu, hendaklah kamu beriman sungguh-sungguh kepadanya, dan hendaklah kamu bersungguh-sungguh menolongnya". Allah berfirman lagi (bertanya kepada mereka): "Sudah kah kamu mengakui dan sudah kah kamu menerima akan ikatan janji ku secara yang demikian itu?" Mereka menjawab: "Kami berikrar (mengakui dan menerimanya)". Allah berfirman lagi: "Jika demikian, maka saksikanlah kamu, dan Aku juga menjadi saksi bersama-sama kamu."

Dalam Seksyen 17 (2) dan 18 (1) Akta keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 turut memperuntukkan kebolehterimaan ikrar dalam pembuktian setelah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan:

Sesuatu ikrar hendaklah dibuat - (a) di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau (b) di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang 'aqil, baligh dan 'adil.

Ikrar yang berikut tidak boleh diterima: (a) ikrar seseorang yang tidak 'aqil baligh; (b) tertakluk kepada subseksyen (2), ikrar orang belum dewasa; (c) ikrar orang gila atau orang terencat akal (ma'tuh); (d) ikrar wali atau penjaga yang dibuat bagi pihak seseorang yang di bawah jagaan atau tanggungjawabnya; (e) ikrar yang tidak dibuat secara sukarela; atau (f) ikrar seseorang yang dihalang di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk mentadbirkan hartanya (Mahjur 'alaih).

Selain sumpah juga disyariatkan sebagai kaedah pembuktian. Kenyataan ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Ma'idah ayat 89:

Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh.

Manakala Rasulullah SAW turut bersabda dalam Hadith yang bermaksud:

Seandainya setiap pengaduan manusia diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta suatu kaum dan darah mereka kerana itu (agar tidak terjadi hal tersebut) maka bagi pendakwa agar mendatangkan bukti dan sumpah bagi yang mengingkarinya (Muslim, 1992. 3: 1336).

Dalam Seksyen 87 (1) Akta keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan sumpah dalam pembuktian kes-kes mal:

Dalam kes mal, keterangan hendaklah diberikan oleh plaintif dan defendan, dan jika defendan menafikan tuntutan terhadapnya dia hendaklah dikehendaki mengangkat sumpah mengikut Hukum Syarak.

4. PENGITEGRASIAN ANTARA AL-QUR'AN, SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM

Selain daripada kesaksian, iqrar dan sumpah, keterangan melalui dokumen elektronik, keterangan pakar dan *qarinah* turut digunakan di Mahkamah dalam pembuktian khususnya di Mahkamah Sivil. Bahkan dokumen elektronik, keterangan pakar dan *qarinah* paling dekat dengan prinsip 'Integrasi Antara Ilmu Naqli Dan Aqli Dalam Undang-Undang Keterangan Islam'. Terdapat banyak kes telah dapat di rungkai dan diselesaikan berdasar keterangan sains dan elektronik.

a) Dokumen Elektronik

Dokumen elektronik juga ditakrifkan: "sebarang bentuk maklumat probatif yang disimpan atau direkodkan atau disalurkan dalam bentuk elektronik di mana bahan tersebut boleh dikemukakan di mahkamah sebagai bahan bukti untuk menyokong atau menyangkal dakwaan". Sumber bahan bukti elektronik dan digital ialah seperti chip VLSI, SDD, hard disk, telefon selular, kamera digital, komputer, alat cetak, mesin fotostat, pita sokongan, kad SDD, alat pengimbas, Cd, DVD, VCD, rangkaian internet, perisian dan protokol komunikasi". (Ismail 2006: 3).

Perkataan "elektronik" ada nyatakan secara umum dalam seksyen 3(c) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ketika memberi maksud dokumen. Dalam seksyen ini rakaman elektronik, dedenyut elektronik dan seumpamanya termasuk dalam definisi dokumen. Skop maksud dokumen sepertimana dalam dalam seksyen 3(c) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 diambil dari seksyen 3 Akta Keterangan 1950 yang diamalkan di Mahkamah Sivil. Dalam seksyen 49 huraian 3: "*Sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer*".

Dari segi amalan dokumen elektronik sebagai kaedah pembuktian, Mahkamah Sivil lebih terkedepan berbanding dengan Mahkamah Syariah. Keadaan ini berlaku berkemungkinan disebabkan bidang kuasa Mahkamah Sivil lebih yang lebih luas berbanding Mahkamah Syariah. Misalnya kes *Mohd Ali Jaafar v Public Prosecutor*, mahkamah telah mensabitkan dakwaan rasuah terhadap tertuduh melalui pita rakaman. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggunakan pita rakaman perbualan tertuduh sebagai bukti bagi mensabitkan dakwaan. Setelah penelitian pengesahan kesahihan pita rakaman tersebut, Mahkamah telah menerima pita rakaman sebagai bahan bukti bagi mensabitkan dakwaan rasuah terhadap tertuduh kerana pita rakaman suara juga dianggap sebagai dokumen. (Jal Zabidi 2008: 157).

Penerimaan dokumen elektronik dalam keterangan Islam berdasarkan dalil umum al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW. Firman Allah SWT:

Wahai orang-orang Yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan Dengan hutang piutang Yang diberi tempoh hingga ke suatu masa Yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. (al-Baqarah, 2: 282)

Sabda Rasulullah SAW:

"Tidak berhak seorang Muslim yang memiliki sesuatu yang untuk diwasiatkan dan ia masih mempunyai kesempatan hidup selama dua malam melainkan hendaklah ia mempunyai wasiat yang ditulis". (Muslim 1997, 11:77)

b) Pendapat Pakar

Dari segi konsepnya terdapat beberapa define pendapat pakar, namun definisi yang paling menepati dengan keadaan semasa adalah sepertimana yang telah dinyatakan oleh Mutawalli, Mahmud Aisyh (2003): “Kaedah pembuktian yang dilaksanakan secara ilmiah oleh seseorang yang berpengetahuan dan memiliki kepakaran atas permintaan hakim untuk mendapatkan pandangan mereka yang bertujuan membongkar hakikat sebenar sesuatu perkara yang dipertikai serta ia tidak mampu dilaksanakan oleh hakim secara bersendirian”. Pakar di sini tidaklah merujuk kepada pakar syarak semata-mata, bahkan pakar-pakar ilmu moden seperti pakar sains dan teknologi termasuk dalam ruang lingkup definisi ini. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 43, maksudnya:

Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui

Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya’ ayat 7:

Maka bertanyalah kepada ahlinya (pakar bidang) sekiranya kamu tidak mengetahui

Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Seksyen 33:

(1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah qarinah.

(2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.

c) Qarinah

Terdapat beberapa definisi qarinah, namun ia boleh dikatakan sebagai: Setiap tanda-tanda yang jelas yang menunjukkan bersamanya kepada sesuatu yang tersembunyi. (Lukman, W.A.Fattah W.I & Abdul Hamid. 2018). Dalam Seksyen 3, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 menyatakan bahawa Qarinah ialah:

fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebut dalam Akta ini

Dalam Seksyen 5:

Keterangan boleh diberikan dalam mana-mana guaman atau prosiding mengenai kewujudan atau ketakwujudan tiap-tiap fakta persoalan dan mengenai apa-apa fakta lain yang ditetapkan kemudian daripada ini sebagai qarinah, dan tidak mengenai apa-apa fakta lain. Huraian-Seksyen ini tidak membolehkan mana-mana orang memberikan keterangan

mengenai sesuatu fakta yang dia tidak berhak membuktikannya menurut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara mal.

Qarinah juga merupakan kaedah pembuktian yang diterima menurut syarak sepertimana firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 25-28:

Dan mereka berdua pun berkejaran ke pintu, serta perempuan itu mengoyakkan baju Yusuf dari belakang; lalu terserempak lah keduanya dengan suami perempuan itu di muka pintu. Tiba-tiba perempuan itu berkata (kepada suaminya): Tidak ada balasan bagi orang yang mahu membuat jahat terhadap isteri mu melainkan dipenjarakan dia atau dikenakan azab yang menyeksa nya". Yusuf pula berkata: "Dia lah yang memujuk aku berkehendakkan diriku". (Suaminya tercengang mendengarnya) dan seorang dari keluarga perempuan itu (yang ada bersama-sama) tampil memberi pendapatnya dengan berkata: " "Jika baju Yusuf koyak dari depan maka benarlah tuduhan perempuan itu, dan menjadilah Yusuf dari orang-orang yang dusta. Dan jika bajunya koyak dari belakang, maka dusta lah perempuan itu, dan Yusuf adalah dari orang-orang yang benar". Setelah suaminya melihat baju Yusuf koyak dari belakang, berkatalah ia: "Sesungguhnya ini adalah dari tipu daya kamu orang-orang perempuan; sesungguhnya tipu daya kamu amatlah besar pengaruhnya.

Pembuktian melalui DNA dalam pensabitan nasab misalnya antara bukti wujudnya Integrasi di antara al-Qur'an, Sains Dan Teknologi Dalam Undang-Undang Keterangan Islam. DNA atau maksud sebenarnya asid deoxyribonucleic adalah satu komponen utama kehidupan. Ia mengandungi sel-sel arahan biologi yang membentuk keperibadian individu. Maklumat-maklumat ini pula diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain melalui perkembangan pembiakan" (National Institute of Health, 2016) Kebanyakan kes yang mengguna pakai profil DNA adalah untuk memastikan identiti individu sama ada bagi kes mayat reput, kematian akibat bencana ramai mangsa dan mengenal pasti identiti ibu bapa sebenar bagi seorang bayi atau anak yang ditinggalkan atau dibuang. Ia juga berguna bagi menyelesaikan isu pertikaian nasab anak sebagaimana dalam kes perebutan harta pusaka, anak luar nikah mahupun untuk mengenal pasti bapa sebenar si anak (Mawami Abdul Rahman, 2015).

Di Malaysia ujian DNA dijalankan oleh Jabatan KIMIA Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI). Analisis pemprofilan DNA hanya ditawarkan di Ibu Pejabat Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya, di Makmal Cawangan Kuching, Sarawak dan semenjak 1 hb Julai 2009 di makmal cawangan Pulau Pinang (Mawami Abdul Rahman, 2015). Antara jenis-jenis ujian DNA yang dijalankan oleh Jabatan KIMIA Malaysia adalah (<http://www.kimia.gov.my>, Alias Azhar & Abdul Ghafur, 2006)

- a) Ujian Paterniti DNA. Ujian Paterniti bermaksud ujian yang mengesahkan hubungan antara bapa dan anak. Ujian paterniti DNA biasanya dijalankan untuk memastikan atau mengecualikan bapa biological seseorang anak. Paterniti adalah ujian yang tepat, cepat serta memerlukan kos yang berpatutan dengan kuasa diskriminasi (atau ketepatan) 99.9999%.
- b) Ujian Materiti. Ujian Materniti merupakan Ujian DNA yang dapat memberi kesimpulan berkaitan dengan ibu.
- c) Ujian Penentuan Keturunan adalah ujian yang dapat menentukan sama ada seseorang itu adalah datuk nenek sebenar kepada seseorang kanak-kanak.
- d) Ujian Hubungan Adik-Beradik. Ujian ini dapat menentukan perhubungan antara adik-beradik.
- e) Pengenalan Identiti. Ujian ini bertujuan Menentukan identiti seseorang individu/mayat (yang tidak dikenal pasti).

Prosedur pensampelan ujian DNA yang ketat serta hasil ujiannya yang hampir 100% tepat meyakinkan pengkaji, walaupun kedudukan ujian DNA tidak sampai darjah pembuktiannya sama seperti syahadah (kesaksian) dan ikrar tetapi ia dapat membantu untuk mendapatkan tahap pembuktian sekurang-kurangnya di peringkat "*ghalabah al-zan*" (beyond reasonable doubt) (Zulfakar Ramlee, 2008). Muzakarah

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-101 yang bersidang pada 27 September 2012 telah membincangkan Hukum Menggunakan DNA untuk menentukan status nasab anak dan tempoh melaksanakan li'an untuk menafikan nasab anak. (Alias Azhar & Abdul Ghafur, 2006). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa Islam sangat menitik beratkan persoalan nasab dan apabila telah ada dalil yang mengisbatkan nasab, maka penafiannya tidak boleh diterima melainkan dengan kaedah li'an kerana li'an telah sabit melalui al-Quran, at-Sunnah dan al-Ijma' dan merupakan suatu amalan taabudiah.

Muzakarah juga menjelaskan bahawa Majma' Fiqh al Islami yang bersidang pada 21-26 Syawal 1422 bersamaan 5-10 Januari 2002 telah memutuskan bahawa untuk mengisbatkan nasab, penggunaan DNA dibenarkan dan dilakukan atas perintah mahkamah hanya dalam kes pertelingkahan ketidaktahuan nasab anak atas pelbagai sebab, kes kekeliruan atau pertukaran anak di hospital atau pusat jagaan, kes bayi tabung uji serta dalam kes anak-anak yang hilang atas sebab bencana alam dan sebagainya.

Penerimaan bukti saintifik di mahkamah syariah pertama kali dilaporkan dalam kes ***Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn. Rosli bin Abdul Japar (2007)***. Kes ini berkaitan kesalahan jenayah melakukan persetubuhan haram sehingga melahirkan seorang anak luar nikah. Pihak Pendakwa Syarie Negeri Sabah telah mengemukakan keterangan pakar dan pembuktian secara saintifik melalui laporan DNA telah dilakukan untuk membuktikan kesnya. Ujian DNA dilakukan oleh pakar DNA daripada Jabatan Kimia Malaysia yang juga merupakan saksi pendakwaan ketiga dalam kes ini.

Ujian DNA tersebut dilaksanakan terhadap Hasmawi Abdullah (anak luar nikah), Murni binti Muhammad (ibu kandung Hasmawi), dan Rosli bin Abdul Japar (OKT). Hasil ujian mendapati terdapat hubungan darah antara Hasmawi dengan OKT. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Keningau Sabah telah menerima pembuktian saintifik melalui analisis DNA ini berlandaskan seksyen 86(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 1992 dan juga seksyen 190(1) dan (2) Enakmen Prosedur Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1993,3 serta mensabitkan jenayah yang dilakukan oleh OKT disebabkan pihak OKT gagal menafikan pembuktian saintifik melalui analisis DNA tersebut. OKT dijatuhi hukuman denda sebanyak RM3,000, dan jika gagal membayar denda tersebut akan dipenjarakan selama 6 bulan. (Alias Azhar & Abdul Ghafur, 2006)

5. PENUTUP

Imam Khatib al-Syarbini pernah menyatakan: Sesungguhnya tabiat manusia suka melakukan kezaliman, menyekat (merampas) hak orang lain dan amat sedikit orang yang melihat kesalahan pada dirinya sendiri (al-Syarbiniy, 1994, 6: 258). Oleh kerana itu setiap pendakwaan perlu dikukuhkan dengan bukti-bukti yang dapat meyakinkan mahkamah dalam membuat keputusan yang tepat. Nas-nas syarak tidak pernah mengikat hakim hanya menerima kaedah tertentu sahaja, kerana maksud keterangan itu sendiri adalah luas iaitu merangkumi ikrar, syahadah, sumpah dan kaedah-kaedah lain termasuklah penggunaan sains dan teknologi. Sekiranya penggunaan sains dan teknologi dapat membantu menyelesaikan isu yang menjadi pertikaian, maka sepatutnya ia boleh diterima pakai. Berdasarkan nas-nas syarak dan peruntukan undang-undang, jelas menunjukkan wujudnya pengintegrasian di antara ilmu Naqli, Aqli dan Undang-Undang Keterangan sepertimana yang telah diamalkan di Mahkamah di Malaysia.

RUJUKAN

- Al-Bukhari, Abu ‘Abdullah Muḥammad Ibn Isma‘il, 1992. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Syahadah. Cetakan ke-3. Beirut: Dar al-Fikr wa al-Yamamah.
- Alias Azhar & Abdul Gahfur A.Hadi. 2018. *DNA Sebagai Qarinah Di Mahkamah Syariah: Analisis Terhadap Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Perlis 2006*. International Journal of Law, Government and Communication. Volume: 2 Issues: 6
- Al-Zuhaily, Muhammad. 1994. *Wasā'il al-Ithbāt fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah wa Mu'amalāt al-Madaniyyah wa al-Awāl al-Syakhyyah*. Maktabah al-Mu'ayyad, al-Riyadh.
- Augustine Paul. 2010. *Evidence: Practie and Procedure*. LexisNexis Malaysia, Selangor.
- Ibn Farhun, Muhammad bin Farhun al-Ya'mari al-Malikiy. 1995. *Tabsirah al-Hukkam fī Usul al-Uqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Nujaim, Zainuddin ibn Ibrahim ibn Muḥammad. 2002. *Al-Baḥr al-Ra'iq Syarh Kunz al-Daqa'iq*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Ibn Qayyim, 1996. *A'lam al-Muaqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim, Mohammad bin Abi Bakar. 2002. *Al-Turuq al-Hukmiyyah*, Al-Qaherah, Dar al-Hadith.
- Ibn Qayyim, Syamsuddin Abi Abdillah Muaammad ibn Abi Bakr ibn Ayyub, 2007. *Al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Makkah: Dar 'Am al-Fawa'id.
- Ibn Qudamah, 1997. *Al-Mughni*. al-Kaherah: Dar al-Hadith.
- Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2008. *Pengenalan Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Lukman A.M, W.A.Fattah W.I & Abdul Hamid M. 2018. *Al-Qarimah Dalam Hukum Hudud*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qattan, Manna'. 2000. *Mabahith fii Ulum al-Qur'an*. T.t: Maktabah Wahbah
- Mahyuddin H. et al. 2018. *Konsep Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli Dan Perbandingannya Dengan Islamisasi*. Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs Vol. 2 (Special Issue). December 2018.
- Mohamad Ismail Bin Mohamad Yunus. 2006. *Kedudukan Bahan Bukti (Exhibit) Elektronik Dan Digital Dalam Keterangan: Masalah Dan Cabaran Masa Kini*. The Journal of The Malaysian Bar (INSAF). Volume XXXV No 1.
- Muslim, Muslim bin al-Hujjaj al-Qushairiy al-Nisaburiy, 1997. *Sahih Muslim*. Al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2011. Kaedah pembuktian melalui kitabah elektronik di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum* 33 (2).
- Wan Abdul Fattah, Raja Raziff & Norma. 2013. *Pengesahan Keaslian Dokumen Urusniaga Elektronik Menurut Fiqh dan Undang-Undang Keterangan Islam Di Malaysia* dalam Jurnal Muamalat Bil. 6, Oktober 2013.
- Zulfakar Ramlee. 2008. "Keterangan DNA dalam Sistem Perundangan Islam". *Jurnal ILIM Bil. 1*, hlm. 111-18, 2008.